

## Sita barang jenama tiruan RM 121,401

**Kuantan:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang menyita jam tangan, beg dan topi jenama tiruan bernilai RM121,401, kelmarin.

Dalam serbuan di tiga premis dalam Ops Jeriji jam 3 petang, barangan itu membabitkan 3,239 unit jam tangan, selain 502 unit beg dan topi.

Ketua Pegawai Penguatkuasa, Ahmad Fitri Ali berkata, serbuan dilakukan di dua premis pemborong, selain sebuah kedai jam tangan di bandar ini.

Menurutnya, pihaknya menahan lima individu terdiri tiga lelaki dan dua wanita termasuk dua warga asing berusia antara 20

dan 53 tahun bagi membantu siasatan.

Katanya, siasatan mendapati kebanyakan barangan jenama tiruan terbabit diperolehi dari Lembah Klang selepas dibawa masuk dari luar negara.

"Jam tangan jenama tiruan terbabit dijual antara RM15 dan RM70 seunit berbanding harga asli melebihi RM100 ke atas, manakala harga beg dan topi pula dijual antara RM15 dan RM60 seunit.

"Tiga premis terbabit menjalankan perniagaan antara dua hingga lapan tahun lalu sebelum diserbui," katanya dalam sidang media di pejabat KPDNHEP Pahang di sini, semalam.